

# Pilih pemimpin Islam adil: Mahathir

B.H 04 JUN 1993

Oleh Izman Ismail dan Ahmad Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis — Pemimpin Islam di Malaysia mesti melaksanakan pemerintahan mengikut konsep dan prinsip keadilan Islam bagi membuktikan pemerintahan mereka tidak berat sebelah atau menindas mana-mana penganut agama lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menasihatkan rakyat memilih pemimpin yang paling layak dan berkebolehan serta boleh dipertanggungjawabkan bagi mengelak kezaliman terhadap orang yang dipilih dan masyarakat yang menerima perkhidmatannya.

Dr Mahathir berkata, pemerintahan Islam di negara seperti Malaysia

Undang, Datuk Syed Hamid Albar; Timbalan Menteri Kerjaraya, Kerk Choo Ting dan Tan Sri Ghazali Shafie. Sembilan kertas kerja akan dibentangkan dalam persidangan itu.

Dr Mahathir berkata, pemimpin, hakim dan pentadbir Islam di Malaysia tidak harus angkuh dengan kekuasaan yang dimiliki sehingga melupakan ajaran Islam mengenai keadilan.

"Amatlah penting pemerintah Islam membuktikan pemerintahan mereka benar-benar adil terhadap semua pihak tanpa menindas atau berat sebelah.

"Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab semua umat membetulkan imej Islam

yang mempunyai rakyat berbilang agama, hendaklah menunjukkan kepada semua bahawa pemerintahan berdasarkan Islam benar-benar adil.

"Jika ada gambaran bahawa Islam adalah agama yang keterlaluan atau kejam bukan bermakna ajaran Islam itu menganjurkan penganutnya berbuat demikian.

"Sebaliknya, ada orang Islam yang mendapat kuasa menjadi angkuh dan tidak mengikut ajaran al-Quran dan Hadis serta contoh pemerintahan Rasulullah dan khulifah yang terkenal dalam sejarah Islam," katanya.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Persidangan Mengenai Islam dan Keadilan, di Auditorium Bank Negara, di sini, hari ini.

Kira-kira 200 peserta dari sekolah dan institusi swasta, jabatan kerajaan, pertubuhan Islam, institusi pengajian tinggi serta Pertubuhan Islam Asean turut menghadiri persidangan dua hari anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) itu.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Menteri Undang-

akibat tindakan kumpulan penyeleweng ekstrimis yang memberi gambaran tidak baik kepada agama Islam dan penganutnya," katanya.

Mengenai pemilihan pucuk pimpinan dalam Islam, Dr Mahathir berkata, Islam menuntut keadilan bukan daripada kalangan pemimpin sahaja malah seluruh masyarakat.

"Dalam memilih pemimpin atau hakim, Islam menentukan orang paling layak sahaja boleh dipertanggungjawabkan dengan tugas itu bagi mengelakkan kezaliman ke atas orang yang dilantik dan masyarakat yang menerima perkhidmatan itu.

"Oleh itu, jika orang ramai diberi hak memilih pemimpin, mereka hendaklah memilih orang yang layak dan berkebolehan. Segala rasuah, seperti menuntut sesuatu bagi diri sendiri atau pihak tertentu sebagai balasan kepada sokongan yang diberi adalah bertentangan dengan keadilan Islam," katanya.

Beliau berkata, dalam memilih pemimpin, Rasulullah s.a.w pernah bersabda bermaksud: "Me-

LIHAT MUKA 2 ✓

# Prinsip Barat tindas / golongan lemah diselar

## DARI MUKA 1

lantik seseorang kepada sesuatu jawatan penting sedangkan ada orang lain yang lebih layak untuk jawatan itu, adalah mengkhianati Allah, Rasul dan orang beriman.

“Ini bermakna dalam membuat perlantikan itu, satu usaha rapi harus dilakukan bagi mencari calon paling layak di kalangan yang ada supaya kita tidak berlaku zalim kepada diri kita yang melantik, orang yang dilantik dan masyarakat yang mengharapkan perkhidmatan yang baik,” katanya.

Mengulas mengenai perkembangan nasib umat Islam di seluruh dunia ketika ini, Dr Mahathir berkata, undang-undang antarabangsa digubal bagi membolehkan dan memberi hak kepada golongan yang kuat menindas yang lemah.

“Hak kemanusiaan dijunjung tinggi sehingga kegiatan kumpulan tertentu menggunakan kebebasan demokrasi untuk mengancam dan mengugut masyarakat diberi perlindungan.

“Oleh itu, demokrasi atau suara ramai di kalangan orang Serb di Bosnia dihormati walaupun tujuannya untuk menindas orang Islam Bosnia,” katanya.

Perdana Menteri berkata, prinsip sebenar yang dipegang oleh Barat dan sebahagian besar tamadun dunia sekarang ialah ‘kekuatan adalah kebenaran (might is right).

“Oleh kerana kuasa Barat adalah kuat, maka apa saja yang dilakukan mereka dianggap adil. Oleh kerana orang Serb kuat, maka tindakan mereka merampas Wilayah Islam dihalalkan,” katanya.